



17 Jun 2015  
17 June 2015  
P.U. (A) 125

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENENTUAN HARGA MAKSIMUM) (NO. 4) 2015

#### *PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (DETERMINATION OF MAXIMUM PRICE) (NO. 4) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN  
(PENENTUAN HARGA MAKSIMUM) (NO. 4) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Pengawal, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 4) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2015.

**Harga maksimum pengeluar**

2. Harga maksimum pengeluar bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3)(i) Jadual.

**Harga maksimum borong**

3. Harga maksimum borong bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3)(ii) Jadual.

**Harga maksimum runcit**

4. Harga maksimum runcit bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3)(iii) Jadual.